

14/11/2000

Lunas: BN tunggu SPR

GURUN, Isnin - Barisan Nasional (BN) Kedah tidak bercadang mengumumkan nama calon bagi mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas dalam pilihan raya kecil akan datang sebelum Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari penamaan calon.

Sehubungan itu, kaedah menamakan calon sebelum tarikh penamaan calon seperti yang dilaksanakan BN Pahang ketika menghadapi pilihan raya kecil DUN Sanggang April lalu, tidak akan digunakan oleh BN Kedah.

Ini kerana BN Kedah yakin calon yang akan ditetapkan selepas SPR menetapkan hari penamaan calon akan tetap menerima sokongan padu daripada pengundi, sekali gus memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya terbabit.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, BN Kedah tidak bercadang menggunakan kaedah yang digunakan BN Pahang yang menamakan Redzwan Harun sebagai calon BN bagi mempertahankan kerusi DUN Sanggang sebelum tarikh penamaan calon ditetapkan SPR.

"Saya berpendapat, lebih baik calon (BN) diumumkan selepas tarikh penamaan calon ditentukan oleh SPR. Kita rasa kita akan mendapat sokongan daripada parti komponen (BN) dan semua pihak.

"Kerusi ini memang kerusi kita. Kalau kita umumkan awal pun, kempen pilihan raya tidak boleh dijalankan.

"Yang penting ialah pilihan raya," katanya selepas menutup Seminar Perkongsian Bijak Pembangunan Kedah di Harvard Suasana Hotel, di sini malam tadi.

Bagaimanapun, katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bersetuju dengan calon BN yang dikemukakan dan BN Kedah akan berusaha secara gigih bagi memastikan kemenangan calon terbabit.

Sabtu lalu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mengumumkan MIC sudah memilih seorang yang dilahirkan di Sungai Petani sebagai calon.

Meskipun calon berkenaan belum diumumkan, pemerhati politik berpendapat calon terbabit ialah Penolong Setiausaha MIC Kedah, A Anthonysamy.

Pilihan raya kecil DUN Lunas diadakan berikutan kematian bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas, Dr Joe Fernandez, yang mati ditembak di Bukit Mertajam, pada 4 November lalu.

Sementara itu, Pegawai Pilihan Raya Kedah/Perlis, Abdul Hamid Ali dilaporkan berkata, sebanyak 26,181 orang layak mengundi dalam pilihan raya kecil itu jika Senarai Daftar Pemilih 2000 tidak sempat disahkan SPR.

Jumlah itu adalah mengikut Senarai Daftar Pemilih 1999 yang disahkan pada 24 Februari lalu - meningkat 1,700 orang berbanding 24,481 orang mengikut Senarai Daftar Pemilih 1998 yang layak mengundi dalam pilihan raya umum, pada November tahun lalu.

(END)